

25/03/2003

Kerjasama semua pihak kawal ekonomi

Kadir Dikoh

KERAJAAN mengkaji semua aspek dalam perancangan untuk mengawal keadaan ekonomi supaya tidak terjejas teruk berikutan serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan memang mempunyai perancangan berikutan keadaan tidak menentu di Teluk tetapi ia memerlukan kerjasama semua pihak.

"Jika sesiapa mula menaikkan harga atau mengambil kesempatan mengaut untung berlebihan, sudah tentu ia akan menggugat kekukuhan ekonomi negara ini," katanya selepas membentangkan usul mengenai Iraq di Parlimen, di ibu negara, semalam.

Bagaimanapun katanya, kerajaan belum bercadang untuk mengumumkan pakej rangsangan tambahan pada waktu ini.

Pakej itu sebelum ini dilaporkan akan diumumkan ketika pengumuman Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2002. KDNK itu diumumkan oleh Bank Negara, Rabu lalu.

Sementara itu, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis pula berkata kerajaan sentiasa memantau dengan rapi kesan perang di Iraq terhadap ekonomi global dan negara terutama kesan terhadap pasaran modal, kewangan serta harga komoditi.

Katanya, sebuah pasukan pengurusan pusat pemantauan sudah ditubuhkan dan beroperasi 24-jam di bilik operasi Kementerian Kewangan bagi memantau situasi pasaran kewangan global.

Bilik operasi itu juga dihubungkan dengan Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Kerajaan ingin memberi jamin bahawa ketiga-tiga agensi ini mempunyai mekanisme untuk memastikan kestabilan dan integriti pasaran saham dan pasaran kewangan.

"Ia membolehkan kerajaan bertindak pantas jika wujud perkembangan yang memerlukan tindak balas serta-merta bagi menghadapi apa juga keadaan dengan teratur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Amihamzah Ahmad (BN-Lipis) pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Bagaimanapun, Dr Jamaluddin berkata serangan terhadap Iraq yang dikutuk dan ditolak dunia setakat ini belum menampakkan kesan negatif kepada ekonomi, pasaran modal dan kewangan global.

Katanya, bursa saham utama dunia sehingga kini masih belum menunjukkan sebarang pergerakan turun naik saham yang ketara dan ada antaranya mencatatkan sedikit peningkatan berdasarkan tanggapan bahawa peperangan akan tamat dalam masa yang singkat.

Menyentuh mengenai isu pasaran modal, Dr Jamaluddin berkata sebelum tercetusnya peperangan, prestasi bursa saham dunia pada amnya lembap berikutan salah laku korporat, pendapatan yang lemah dan ketidaktentuan berlakunya peperangan menyebabkan pelabur lebih berhati-hati.

"Bagaimanapun selepas perang meletus, sentimen pasaran menampakkan pengukuhan apabila pelabur mengambil kira kesan peperangan sebelum ini.

"Oleh itu prestasi bursa saham dunia seperti Dow Jones, Nikkei, dan bursa saham serantau juga dapat bertahan," katanya.